

## KHUTBAH JUMAAT

### “PENGAKHIRAN RAMADAN YANG TERBAIK”

(28 Mac 2025M/ 27 Ramadan 1446H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي جَعَلَ لِصِيَامِ رَمَضَانِ أَجْرًا كَرِيمًا، وَأَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْءَانَ كِتَابًا عَظِيمًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، كَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَوُوفًا رَّحِيمًا. اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Hindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Pengakhiran Ramadan Yang Terbaik”**.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ramadan kali ini hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi. Walaupun

zahirnya kelihatan seolah-olah sudah tidak banyak kesempatan untuk kita mampu buat apa-apa, namun hakikatnya, hari-hari penghujung seperti inilah merupakan saat-saat genting yang menentukan kejayaan Ramadan kita. Ini adalah kerana amalan-amalan kita dinilai mengikut bahagian penutupnya. Daripada Sahl bin Sa'd *radiallahu anhu bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda*:

... وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْخُواصِيمِ ( )

**Maksudnya:** ... Sesungguhnya amalan-amalan seseorang itu tergantung pada amalan-amalan penutupnya.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Oleh itu, marilah kita kejar dan rebut baki kesempatan yang ada. Masa yang tinggal sedikit ini, kita isikan dengan banyak mengingati Allah *subhanahu wata'ala*, doa dan istighfar.

Mungkin masih ada kesalahan yang belum kita pohonkan pengampunannya, kesombongan yang belum dilenturkan, hasad dengki yang masih belum digantikan dengan kasih sayang, hak dan tanggungjawab yang masih tidak ditunaikan, tutur bicara lidah yang masih belum dimurnikan daripada kebiasaannya berbohong, memfitnah, mengumpat, mencaci, mengadu domba atau menjatuhkan maruah sesama saudara.

Apakah masih ada lagi kewajipan solat yang tidak dikerjakan? Masihkah ada lagi sifat bakhil yang membuat kita tidak peduli akan keperitan orang lain? Atau sifat panas baran dan keras hati yang

masih gagal kita lembutkan? Masih adakah lagi nikmat-nikmat Allah yang tidak sudi kita syukuri? Masih adakah lagi ketentuan qada dan qadar Allah yang kita tolak dan ingkari? Apakah masih ada silaturrahmi yang kita putuskan? Atau orang tua yang kita sakiti? Atau pasangan hidup yang kita khianati? Atau anak-anak yang dikasari?

Renungan diri seperti ini adalah muhasabah yang amat perlu kita lakukan di penghujung Ramadan ini. Tujuannya, jika masih terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki, cepat-cepatlah kita perbaiki. Jika ada kesalahan yang dilakukan, cepat-cepatlah kita istighfar mohon pengampunan. Jika ada kewajipan yang belum ditunaikan, cepat-cepatlah kita lakukan. Masa yang tinggal tidak banyak, tetapi masih sempat untuk kita usahakan sedapat yang mungkin demi meraih penghujung Ramadan yang terbaik.

Janganlah kita berputus asa daripada mengharapkan rahmat Allah, Amatlah beruntung kalau kita mempunyai perasaan malu setelah menyedari banyak dosa dan kecuaian yang telah kita lakukan sebelum ini. Tetapi janganlah sampai malu kita itu, malu yang tidak bertempat, sehingga terlalu malu pula untuk meminta ampun kepada Allah *Yang Maha Pengampun lagi Maha Penerima Taubat*. Oleh itu, bertaubatlah, walau dosa kita setinggi gunung dan seluas lautan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mu'minun, ayat 109-111:

إِنَّهُ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْ عِبَادِي يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا فَاعْفُرُ لَنَا وَأَرْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرٌ  
 الَّرَّاحِمِينَ (١٠٩) فَاتَّخِذْ تُوْهُمْ سِخْرِيًّا حَتَّىٰ أَنْسَوْكُمْ ذِكْرِي وَكُتُمْ مِّنْهُمْ  
 تَضْحَكُونَ (١١٠) إِنِّي جَزَيْتُهُمْ أُلْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا أَعْبُهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ (١١١)

**Maksudnya:** Sesungguhnya ada segolongan dari hamba-hamba-Ku berdoa, “Ya Tuhan kami, kami telah beriman, maka ampunilah kami dan rahmatilah kami, dan Engkau jualah sebaik-baik pemberi rahmat.” Lalu kamu pula (orang musyrikin) menjadikan mereka itu bahan ejekan, sehingga membuat kamu lupa untuk mengingati Aku, dan kamu selalu mentertawakan mereka. Sesungguhnya pada hari ini Aku memberi mereka balasan di atas kesabaran mereka itu. Sesungguhnya, mereka itulah orang yang mendapat kejayaan.”.

Isilah sedikit masa Ramadan yang tinggal ini untuk bermuhasabah ke hadapan juga, dengan meneguhkan azam untuk terus beristiqamah menjadi hamba Allah yang baik serta soleh selepas Ramadan. Rancanglah langkah-langkah kita selanjutnya untuk kehidupan, dengan berpandukan pimpinan taufik dan hidayah Allah.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tidak lama lagi bulan Syawal akan tiba. Ketibaan Syawal sememangnya amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam bagi merayakan Aidilfitri. Aidilfitri adalah hari untuk kita bergembira dan bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* sehingga kita berjaya mentaati perintah dan tegahan-Nya, serta mengawal dan mendidik nafsu, terutamanya melalui ibadah puasa di bulan

Ramadan. Kerana itulah kita disunatkan untuk menghiasi Aidilfitri nanti dengan takbir, tahlil, tahmid dan tasbih agar subur hati kita dengan rasa kesyukuran kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 185:

... وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَنَّكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

**Maksudnya:** ... *Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.*

Dalam keriangan menyambut Aidilfitri, khatib ingin mengingatkan agar berhemah dalam berbelanja bagi membuat persiapan menyambut perayaan. Kesederhanaan sangatlah dituntut untuk diamalkan. Belilah mengikut keperluan dan tahap kewangan yang kita miliki.

Di musim perayaan ini juga, sudah semestinya ramai dalam kalangan kita yang mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman bagi merayakan Aidilfitri bersama ibu bapa, keluarga dan sanak-saudara. Khatib ingin mengingatkan kepada para jemaah yang akan bermusafir, sentiasalah mengamalkan adab dan akhlak yang mulia di jalan raya, berhati-hati, berhemah dan bertoleransi dengan pengguna jalan raya yang lain. Sebelum memulakan perjalanan, selenggara kenderaan kita dan pastikan ia berada dalam keadaan yang baik.

Di samping itu, pastikan rumah kediaman ditinggalkan dalam

keadaan selamat untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Marilah kita bertawakal dan berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar dikurniakan kesejahteraan, keselamatan dan pemeliharaan daripada musibah supaya Aidilfitri dapat diraikan dengan penuh kesyukuran dan kebahagiaan.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ ke-79, marilah kita mendoakan seluruh warga kerja Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dikurniakan kesihatan dan keselamatan sewaktu melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Mimbar juga ingin mengingatkan agar kita bersama-sama membantu pihak JPJ selaku agensi yang menguatkuasa dan mentadbir undang-undang jalan raya Malaysia dalam meningkatkan keselamatan jalan raya.

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, khatib merumuskan beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan.

**Pertama** : Ramadan bukan penamat kepada momentum ibadah kita bahkan sebagai langkah permulaan penyucian jiwa dan rohani untuk berubah kepada yang lebih baik.

**Kedua** : Sentiasalah bermuhasabah terutama di penghujung Ramadan ini agar dapat diperbaiki segala kesilapan dan kelalaian.

**Ketiga** : Sentiasa berhati-hati dalam perjalanan dan mohonlah perlindungan kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar sentiasa diberi perlindungan dan keselamatan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam surah al-A'la, ayat 14-15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى (١٤) وَذَكَرَ أَسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى (١٥)

**Maksudnya:** Sesungguhnya berjalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh), Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhanya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Ramadan ini, marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu dan solat sunat tarawih serta witir secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan juadah berbuka kita dan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :  
إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Ya Allah ! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, ya Allah.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.